

29 AUG 1997

Mahathir - Kelantan

KERAJAAN KELANTAN TIDAK TAHU MEMBANGUNKAN NEGERI, KATA DR MAHATHIR

PASIR PUTEH, 29 Ogos (Bernama) -- Kelantan menghadapi masalah pembangunan kerana dipimpin oleh kerajaan negeri yang tidak tahu membangunkan negeri, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata walaupun negeri ini kaya dengan hasil bumi serta mempunyai kawasan yang berpotensi untuk dimajukan, pembangunan tidak dilakukan kerana ketidakcekapan Pas yang mentadbir negeri.

Sebab itulah Umno dan Barisan Nasional (BN) merancang untuk membawa perubahan kepada Kelantan agar taraf hidup rakyat di negeri ini dapat dipertingkatkan, katanya ketika berucap pada Perhimpunan Rakyat di Padang Sekolah Menengah Cherang Ruku di Semerak dekat sini petang ini.

"Pilihlah mereka yang tahu (membawa pembangunan) dan janganlah pilih mereka yang selalu kata tidak tahu," katanya kepada kira-kira 10,000 hadirin dan disiarkan secara langsung oleh televisyen.

Dr Mahathir berkata kemenangan BN dalam pilihan raya kecil di Semerak pada 11 Ogos lepas merupakan permulaan yang baik untuk membawa perubahan itu.

Sambil membidas PAS yang mendakwa kononnya kekalahannya kepada BN itu disebabkan faktor 'pengundi hantu', beliau berkata PAS sentiasa menabur janji palsu dan memperalatkan pegangan kuat terhadap agama Islam di kalangan orang Kelantan untuk kepentingan parti.

Turut hadir pada majlis itu Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, yang juga Pengerusi BN Kelantan, anggota dewan undangan negeri Semerak yang baru Kamarudin Mohd Nor serta para pemimpin Umno termasuk anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, yakin bahawa Kelantan boleh menjadi negeri yang amat maju jika pemerintahan kerajaan BN tidak terhenti-henti di negeri itu.

Katanya, jika diberikan peluang, BN berhasrat menjadikan Kelantan sebuah negeri contoh bagaimana penduduknya yang hampir 100 peratus berbangsa Melayu dan beragama Islam juga boleh berjaya.

Menurutnya, ramai rakyat Kelantan yang mempunyai kemahiran terpaksa mencari rezeki di negeri-negeri lain kerana kekurangan peluang di negeri sendiri.

Dengan merujuk kepada kawasan nelayan Tok Bali, dekat sini, Perdana Menteri berkata ia boleh menjadi pusat pelancongan dan pendaratan ikan yang penting di samping menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Malang sekali, katanya tidak ada perubahan yang berlaku di tempat itu disebabkan kerajaan negeri tidak tahu membangunkannya.

"Saya minta supaya Pas menjadikan slogan mereka "Saya tidak tahu"...ini ikhlas, kalau orang pilihpun kerana dia ikhlas," katanya.

Sambil menyatakan beliau menghormati kelurusan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Dr Mahathir berharap Nik Aziz bersedia mengakui kepada pengundi semasa pilihan raya bahawa dia tidak tahu mentadbir negeri.

Beliau juga membidas Pas yang sentiasa menyalahkan kerajaan Pusat kononnya tidak memberikan kerjasama kepada kerajaan negeri.

Dr Mahathir meminta wakil rakyat Umno supaya bekerja keras sepanjang masa untuk menjayakan usaha membawa pembaharuan ke negeri ini. -- Bernama

AZZ oba